



Bulan Mengambang Di Bandar Baru UDA



Setiap pilihanraya bulan pasti mengambang dan melihatkan cahayanya di BBU. Kalau dulu cahaya bulan tidak begitu terang tetapi kini dengan perletakkan Tokmat dan perpecahan yang berlaku di Pulai, cahaya bulan dapat menerangi seluruh jalan dan lorong di BBU. Bagaimana kedudukan PAS di BBU?

Dari sumber-sumber yang dipercayai, perisik dan ahli-ahli ranting PAS telah sekian lama menyusup ke dalam semua jentera BN dan Jawatankuasa-Jawatankuasa yang ada di dalam kawasan BBU seperti Jawatankuasa Masjid, Jawatankuasa Penduduk dan sebagainya.

Kenapa perkara ini berlaku? Tidak lain dan tidak bukan kerana kelemahan Tokmat memimpin Pulai ketika itu. Kalau ada berita sahaja, sikit-sikit salahkan Tok, sikit-sikit salah kroni-kroninya dan sikit-sikit salah Datuk Nurjazlan.

Mungkin ramai yang tidak tahu punca kelemahan-kelemahan yang berlaku. Jangan nak salahkan sesiapa. Nak salahkan Suarajohor.com kerana menyiarkan berita palsu? Yang jelas, pengundi dan penduduk BBU perlu tahu kelemahan-kelemahan ini.

Apa yang sebenarnya berlaku sebelum ini ialah Tokmat sendiri takut dengan bayang-bayangannya sendiri dan menyekat kemasukan orang-orang profesional dan lebih muda ke dalam parti. Ini dilihat sebagai strategi demi mengekalkan kemenangan kepimpinan anaknya Datuk Nurjazlan sebagai orang No: 2 dalam Pulai.

Tokmat berpendapat sekiranya dengan membenarkan mereka yang profesional di kalangan penduduk BBU menganggotai kepimpinan Pulai, yang pasti akan ada pertandingan sengit untuk jawatan-jawatan tertinggi dalam Pulai. Dan tidak secara langsung akan menggugat kedudukan samada Tokmat mahupun Datuk Nurjazlan.

Pemikiran sempit Tokmat ini dianggap telah menyekat kesuburan kepimpinan Pulai dalam usaha untuk mencari pelapis baru sekiranya pemimpin lama telah tiada. Pemikiran sempit ini juga telah menjerat Tokmat didalam kancah perpecahan di Pulai ketika ini.

Dengan perletakan jawatan Tokmat, golongan-golongan profesional di BBU merasakan inilah masa yang terbaik untuk mereka menonjolkan diri bukan untuk menentang tetapi untuk memberikan nasihat samada kepada Tokmat mahupun Datuk Nurjazlan bahasa mereka juga mempunyai hak untuk menerajui kepimpinan Pulai sekiranya terpilih. Tokmat mahupun Timbalannya perlu menafikan bahawa parti bukanlah hak individu.

Penekanan golongan-golongan profesional ini seperti professor, ahli perniagaan, Pegawai2 Kerajaan mahupun Swasta yang bermastatutin di BBU merasakan mereka

begitu kecewa dengan tindakan ini dan kekecewaan inilah telah diambil kesempatan oleh PAS yang ternyata lebih perihatin untuk menjadikannya sebagai isu didalam kempen pilihanraya.

Tidak hairanlah apabila ada kempen-kempen penerangan yang dijalankan, pasti akan ada penentangan dari golongan-golongan profesional ini. Di BBU, majalah-majalah seperti Harakah dan propaganda-propaganda serta bendera ujudnya PAS begitu ketara sekali. Kalau dahulu PAS akan segan-segan untuk menonjolkan imejnya tetapi kini secara terang-terang ahli-ahli dan kroni-kroninya tidak segan silu membicarakan isu-isu menentang Kerajaan secara terbuka. Akhbar Harakah boleh dibeli secara terbuka di hadapan Masjid Jamek BBU pada setiap petang.

Kelemahan dan kesilapan yang Tokmat dan Datuk Nurjazlan lakukan ini seharusnya dipandang berat kerana ia bukan sahaja akan menyeret Pulau didalam kancah perpecahan dan penentangan ttetapi juga akan mengheret Umno Johor dan BN keseluruhannya dalam usaha menjernihkan keadaan.

Persoalannya sekarang, dimana menghilangnya Tok dan Datuk Nurjazlan ketika ini? Apakah usaha yang dijalankan didalam meneuratilisekan keadaan yang dianggap genting di BBU?

Tepek dada tanyalah selera. Hanya orang BBU sahaja yang boleh menjawabnya.

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.